

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Encik Khir Johari, Pengerusi Jawatankuasa

Penerangan UMNO, mengatakan bahawa adanya jenis pemimpin-pemimpin sekarang – Pertama, jenis ular senduk, kedua jenis kura-kura dan ketiga jenis kereta api. Jenis ular senduk mematuk orang yang menemuinya, jenis kura-kura mengeluarkan kepala kepada orang yang disukainya dan jenis kereta api boleh berjalan deras ke matlamatnya dan boleh membawa gerabak yang boleh ditumpangi oleh rakyat. Ia menerangkan juga bahawa pemimpin-pemimpin UMNO adalah pemimpin-pemimpin jenis kereta api yang ertiya boleh ditumpangi rakyat dan deras menuju matlamatnya.

Pengertian ini dipandang oleh sebahagian orang: masuk bakul angkat sendiri – merendahkan cita-cita orang lain dan mengagung-agungkan cita-cita sendiri. Bolehkah Encik Khir Johari menerangkan sampai ke mana derasnya menuju matlamatnya itu dan apakah matlamat yang dituju itu berfaedah untuk bangsa dan tanah air Melayu yang sebenar-benarnya atau berfaedah kepada beberapa orang sahaja sedang rakyat menderita?

\* \* \*

Encik Saadon bin Haji Zubir dalam ucapannya di Sabak Bernam telah menyeru kepada penyokong-penyokong PAS, Parti Rakyat dan Parti-parti Siasah Persekutuan Tanah Melayu supaya jangan menuduh-nuduhnya lagi dalam surat khabar dengan berkata: “Janganjadikan saya orang surat khabar untuk menafikan berita-berita yang tersiar”.

Pepatah Melayu berkata: “Melompat bertumpuan menatak berlandasan” dan kerana itulah ada sebabnya maka orang

mengkritik Encik Saadon dan kalau tidak ada sebabnya dan Encik Saadon tidak mahu dikritik jangan terima pekerjaan jadi Menteri Kerjaraya dan *Telecommunication* dan jangan mahu pula menjadi Ketua Pemuda – lebih baik duduk pegang tasbih di masjid, jauhkan diri daripada masyarakat itupun belum tahu, harus juga kena kritik.

Selain itu ada yang memandang: apakah Encik Saadon ingin menutup pendapat dan fikiran orang ramai?

\* \* \*

Encik Saadon di dalam majlis itu juga dikatakan ada berkata bahawa parti-parti yang ada sekarang (yang di luar daripada UMNO) adalah bertujuan untuk melemahkan dan melumpuhkan perpaduan mereka (perikatan UMNO dan M.C.A. - ? P) terutamanya pergerakan pemuda UMNO. Dengan kata-kata ini, kalau diambil ertiya, terang dan jelas bahawa Encik Saadon menghendaki hanya UMNO itulah shaja sebuah pertubuhan yang boleh berjalan di Tanah Melayu ini – lain tidak boleh. Kalau begitu ertiya sebuah parti dan satu suara sahaja dan suara itu dipegang oleh seorang pemimpin yang sifatnya tentulah tidak lain lagi dari diktator.

\* \* \*

Berkenaan dengan cukai yang dikenakan oleh kerajaan pada rakyat dipandang oleh Encik Saadon sebagai cukai yang paling murah sekali di dunia ini dan cukai itu, katanya, tidak menyusahkan orang-orang miskin. Kalau Encik Saadon mengatakan ini di hadapan tunggul harus

tungkul itu tidak akan berkata. Tetapi  
kalau di hadapan manusia, maka tentunya mereka  
mengerti bahawa bunyinya yang kaya kena tetapi  
hakikatnya miskin yang menderita. Cubalah  
bandingkan harga makanan di Federation,  
di Singapura dan di Pulau Pinang. Maka yang lebih  
mahal – cubalah Cik singgah di kedai-kedai  
makannya sebagai contohnya. Dan kerana itu  
apakah Encik Saadon yang menderita atau  
rakyat?

\* \* \*

Di dalam pidato radionya, tatkala  
menyambut pemberian dua kapal terbang dari Rusia  
dan tatkala memberi nama kapal terbang itu  
dengan sempena nama bukit Martimbang sebuah  
(bukit di Tapanuli) meriwayatkan bahawa  
menurut kepercayaan dan cerita-cerita tua bahawa  
Bukit Martimbang itulah bukit yang menyatukan  
segala bukit-bukit yang lain ertinya perpecahan  
bukit-bukit yang ada di Sumatera. Ini di pandang  
orang sebagai satu sindiran bahawa  
dengan datangnya kapal terbang dari Rusia itulah  
Presiden Sukarno akan menyatukan  
perpecahan suku-suku yang ada di Indonesia  
sekarang; kalau ini ditafsirkan dengan lebih  
jelas lagi maka Presiden Sukarno  
akan menyatukan umat atau perselisihan  
suku-suku di Indonesia itu ialah dengan  
bantuan daripada komunis. Kalau  
betul tekaan ini maka orang Islam  
Indonesia mesti awas dan berjaga-jaga.



*Untuk pertemuan pelajar-pelajar seluruh dunia telah dibina sebuah bangunan yang bernama  
"International House" di Edinburgh yang sekarang 60 bangsa-bangsa dunia telah menjadi ahlinya.*

*Gambar dari kiri: Zainab Sis (Malaya), Khalil Masri (Lubnan), Lili Itza*

*\* \* \* (Iran), Mita Maldrus (Ireland), bergambar di luar bangunan tempat*

*pertemuan tersebut.*

Sesudah Tuan Mursyahid Pegawai Penerangan Konsolat Indonesia di Singapura bertukar maka tempatnya dipangku sementara oleh Tuan Joko dan sekarang telah dipegang oleh seorang Vice Konsol Indonesia wanita. Riwayat pejabat konsol Indonesia dalam bahagian penerangannya ini pada mulanya d pimpin oleh saudara Anuar Mu'in kemudian tempatnya digantikan oleh Tuan Susman dan yang akhir ini mendapat bantahan keras dari wartawan sehingga ia dipindahkan ke lain pejabat dan diganti oleh Tuan Mursyahid. Dalam kata perpisahannya Mursyahid mengatakan memang sulit berhadapan dengan wartawan-wartawan dan kerana itulah harus kerana wartawan-wartawan di Singapura ini bebas dan "nakal-nakal" pula tentunya kalau diberikan wanita sulit bagi wartawan-wartawan itu membuat nakal. Adakah kerana wanita sebagai pegawai penerangannya, wartawan-wartawan Malaya kelak akan melembutkan penanya dan memejamkan matanya terhadap perkara-perkara yang berlaku di Indonesia dan juga yang harus menjolok mata? Ini terpulang kepada wartawan-wartawan itu sendiri menghadapi seorang pegawai penerangan wanita itu.

\* \* \*

UMNO Singapura telah mengadakan tuntutan yang hebat kepada kerajaan yang hendak mencapai kemerdekaannya. Sebelum itu Tunku Muda Muhammad telah membuat pula oleh menjadikan orang Melayu satu kaum kecil di negeri ini. Ini pun dibantah oleh golongan-golongan Melayu. Terbit daripada bantahan-bantahan ini maka pihak-pihak lain cuba melembutkan lalu memberi kenyataan yang mereka mengetahui kekurangan orang-orang Melayu sambil mengatakan bahawa mereka (orang-orang Melayu) patut dibantu dan ditolong.

Ringkasnya untuk melembutkan segala tuntutan orang-orang Melayu janji-janji diberi sebagaimana juga janji-janji yang telah lalu yang tidak pernah sekalipun ditunaikan oleh

mereka itu. Cubalah tunjukkan buktinya: Apakah bantuan dan sokongan yang telah diberi kepada orang-orang Melayu?

\* \* \*

Berkenaan dengan perlombagaan Tanah Melayu pada masa yang akan datang sudah disiarkan. Kalau dikaji dengan teliti dan saksama perlombagaan itu orang-orang Melayu tidak mendapat lebih daripada apa yang ada didapat pada masa sekarang. Dengan itu terbit pertanyaan: Kalau di terima apakah faedahnya? Orang-orang Melayu sentiasa memberi, memberi dan memberi dan seterusnya diminta memberi lagi. Mudah-mudahan orang-orang Melayu di dalam UMNO insaf dan mengetahui bagaiman putar belit dan merbahayanya sesuatu suruhanjaya kepada keselamatan kesejahteraan orang Melayu.

\* \* \*

Orang-orang Melayu di dalam parti *Labour* pernah telah beramai-ramai keluar daripada mesyuarat agungnya di Singapura. sebabnya ialah apabila perkara usul mengadakan bantuan kepada orang-orang Melayu ekonomi ditolak- dibawa kepada suatu penyiasatan lain.

Kejadian ini adalah perkara yang perlu mendapat perhatian yang saksama kepada orang-orang Melayu bahawa kalau ada sesuatu cita-cita untuk membantu orang-orang Melayu maka cita-cita itu hanya dapat dilaksanakan dengan kata-kata sahaja dan bantuan yang sebenarnya janganlah diharap akan dapat di selenggarakan oleh mereka itu- terangnya cakap sahaja mahu membantu tetapi hakikatnya hanya untuk pemanis sahaja -demikianlah pandangan orang-orang Melayu yang mengerti.

\* \* \*